



Tarikh : 5 April , 2018

KENYATAAN AKHBAR

KERAJAAN AKAN MENGGANDAKAN KEUPAYAAN LOJI RAWATAN AIR LARUT RESAP TAPAK PELUPUSAN LADANG CEP 1

PUTRAJAYA, 5 APRIL 2018 - Tapak Pelupusan Ladang Cep 1, Simpang Renggam telah mula beroperasi pada tahun 2003 dengan keluasan 6 hektar. Tapak pelupusan ini pada mulanya dioperasikan oleh Majlis Daerah Simpang Renggam sehingga diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Operator semasa adalah SWM Environment Sdn Bhd yang telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan pada Oktober 2016 dengan kontrak 2 tahun. Tapak ini menerima sisa pepejal daripada beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Kluang, Majlis Daerah Simpang Renggam dan Majlis Perbandaran Batu Pahat sebanyak 500 tan sehari.

2. Sebelum ini, pada tahun 2010, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan kerja penutupan selamat di sebahagian tapak termasuk membina loji rawatan air larut resap yang berkapasiti 150 m³ sehari dan kerja ini telah disiapkan pada tahun 2012. Pada tahun 2012 juga, Kerajaan Persekutuan telah melantik kontraktor untuk menaiktaraf tapak pelupusan tersebut kepada jenis tapak pelupusan sanitari.

3. Namun, kontraktor terbabit telah gagal untuk menyiapkan kerja dan ditamatkan kontraknya pada pertengahan tahun 2014. Bagi mengatasi masalah ini, pada tahun 2016 Kerajaan Persekutuan telah melantik kontraktor baharu bagi menyiapkan kerja-kerja yang terbengkalai dan kerja-kerja ini telah siap pada Februari 2018.

4. Sepanjang tapak pelupusan ini mula beroperasi, seringkali berlaku limpahan air larut resap ke sungai berhampiran namun perkara tersebut mula berkurangan sejak Kerajaan Persekutuan mengambilalih pengoperasian tapak ini. Walaubagaimanapun, pada bulan Januari 2018, hujan lebat selama beberapa

hari di kawasan ini telah menyebabkan sel tidak dapat menampung jumlah air larut resap hingga menyebabkan runtuh tebing sel pada 12 Januari 2018.

5. Sehubungan dengan itu, pada 14 Januari 2018, YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri KPKT telah membuat lawatan mengejut ke tapak ini dan mengarahkan operasi tapak ditutup sementara bagi membolehkan kerja-kerja pembaikan termasuk melaksanakan kerja-kerja pengukuhan tebing dengan membina tembok penahan (gabion wall) selain menutup cerun tapak sisa pepejal dengan HDPE liner. Tapak ini mula beroperasi semula pada 22 Februari 2018.

6. Pada 30 Mac 2018, sekali lagi berlaku limpahan air larut resap ke sungai yang berpunca daripada paip tersumbat dari kolam tadahan air larut resap. Tindakan segera telah diambil oleh pihak SWM Environment Sdn Bhd untuk membersihkan paip tersumbat tersebut dan berjaya menghentikan limpahan dalam masa satu jam iaitu pada pukul 11.00 pagi. Walaubagaimanapun, loji bekalan air SAJ terpaksa ditutup sehingga pukul 8.00 malam dan memberi kesukaran kepada penduduk.

7. Bagi mengatasi masalah limpahan air larut resap secara holistik, mesyuarat khas yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPKT pada 3 April 2018 dan turut dihadiri oleh wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Pejabat Daerah Kluang, Majlis Daerah Simpang Renggam, Jabatan Alam Sekitar Johor, SWCorp Johor dan pihak operator telah membuat ketetapan seperti berikut:-

- i. Meluluskan kerja-kerja menaik taraf loji rawatan air larut resap ini daripada 150 m³ kepada 300 m³ sehari supaya ia dapat menampung janaan air larut resap di tapak. Projek naiktaraf loji ini dijangka akan dimulakan pada penghujung April 2018 dan dijangka siap pada bulan Ogos 2018 dan peruntukan sebanyak RM 3.5 juta telah disediakan untuk tujuan ini.
- ii. Melaksanakan pemantauan secara berterusan di tapak. Pegawai teknikal SWCorp akan ditempatkan secara tetap di tapak bagi pemantauan berterusan dan pihak operator akan menempatkan serta merta penyelia loji rawatan air larut resap yang kompeten 24 jam sehari. Pemantauan ini adalah berdasarkan SOP yang memenuhi keperluan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

- iii. Pemantauan mingguan ditapak oleh Jabatan Alam Sekitar.
- iv. Operasi sel sedia ada akan ditamatkan dan pengoperasian di sel baru akan berkuatkuasa pada 14 April 2018. Sel sedia ada ini akan dibuat kerja penutupan selamat yang dijangka bermula pada pertengahan tahun ini.
- v. Membina bund atau *retaining wall* di sekeliling kolam tadahan air larut resap setinggi 1 meter bagi menambah kapasiti takungan.
- vi. Memasang *level sensor* dan pam di kolam tadahan air larut resap bagi mengepam air larut resap secara automatik.
- vii. Memasang CCTV untuk pemantauan berterusan di kawasan operasi dan juga kawasan yang sentiasa dicerobohi bagi memantau kawasan dan mengelak pencerobohan.
- viii. Memindahkan air larut resap sedia ada di sel 1A dan sel 2 ke Tapak Pelupusan Seelong bagi mengelakkan kemungkinan kebocoran larut resap sekiranya berlaku hujan lebat yang berterusan.

8. Dengan tindakan-tindakan segera ini, Kerajaan Persekutuan berharap isu pencemaran sungai yang dikatakan berpunca dari limpahan air larut resap dari tapak pelupusan Ladang Cep 1 diatasi sepenuhnya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan,

Putrajaya

5 April 2018

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.